

# Rakyat kita diberi keistimewaan berkunjung

BN - 6 AUG 2003

KUALA LUMPUR: Russia menawarkan keistimewaan khas untuk memudahkan ahli politik, peniaga dan pelajar Malaysia memasuki negara itu dalam usaha meningkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin.

Presidennya, Vladimir Putin, berkata peraturan ketat berkaitan pengeluaran visa, peraturan imigresen dan keselamatan lapangan terbang yang dikenakan selama ini adalah disebabkan oleh kegiatan keganasan.

“Tetapi saya percaya kita tidak seharusnya mengehendak pergerakan antara rakyat. Saya setuju kita harus mempermudah urusan ini, berdasarkan kategori tertentu di antara dua negara.

“Jadi golongan peniaga, ahli politik dan pelajar harus diberi keistimewaan khas. Ini kerana kita mahu mewujudkan hubungan ekonomi yang rapat dengan Malaysia,” katanya pada sesi dialog Forum Perniagaan Malaysia-Russia di sini, semalam.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kira-kira 500 pemimpin korporat dari Malaysia dan Russia. Forum itu dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli).

Terdahulu, Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk Moehamad Izzat Emir bertanya kepada Putin mengenai kemungkinan Russia mempermudah pengeluaran visa dan prosedur imigresen untuk ahli perniagaan dalam usaha memperkembangkan hubungan ekonomi dua hala.

Putin berkata, keistimewaan itu diberi bagi memastikan persekitaran kondusif dalam kegiatan perniagaan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, Dr Mahathir yang mengunjunginya sebelum itu memaklumkan bahawa kira-kira 400 pelajar Malaysia belajar di Russia dan berharap lebih ramai yang akan menyambungkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi di sana.

Menjawab soalan lain, Putin berkata, sistem dagangan pelbagai hala sepatutnya berfungsi sebagai asas bagi hubungan dagangan antarabangsa dan untuk menjayakannya kepentingan setiap negara perlu diberi pertimbangan.

“Saya percaya hubungan perniagaan sepatutnya berasaskan kepada hubungan antarabangsa yang baik,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Presiden Russia itu berkata, ada potensi besar bagi perdagangan antara Malaysia dan Russia, termasuk kerjasama erat dalam sektor telekomunikasi, penerbangan dan aeroangkasa.